



Untuk Terbitan Media  
19 Jun 2026

## SIARAN MEDIA

### **LEBIH 2,000 PELUANG KERJAYA MENANTI RAKYAT JOHOR SEMPENA KARNIVAL LINDUNG KERJAYA MADANI**

**JOHOR BAHRU:** Lebih 2,000 peluang pekerjaan merentasi pelbagai sektor industri menanti pencari kerja sempena Karnival LINDUNG Kerjaya MADANI anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi portal pekerjaan nasional MYFutureJobs.

PERKESO dalam satu kenyataannya memaklumkan, karnival ini menghimpunkan pelbagai majikan terkemuka yang menawarkan peluang pekerjaan daripada peringkat operator sehingga ke pengurusan atasan.

"Antara syarikat yang membuka kaunter temu duga secara terus termasuk Celestica Electronics, Flextronics Shah Alam, Super Micro Computer Malaysia, Handal Indah, Guan Chong Cocoa Manufacturer, SK 8 Engineering, Tiger Balm (M) serta Novotel Johor Bahru City Centre, YTL Data Centre selain pelbagai lagi majikan daripada pelbagai sektor industri.

"Peluang pekerjaan yang ditawarkan merangkumi sektor pembuatan, pengangkutan, perkhidmatan serta industri makanan, sekali gus memberi pilihan kerjaya yang luas kepada pencari kerja daripada pelbagai latar belakang dan kelayakan," menurut PERKESO.

Dalam pada itu, PERKESO memaklumkan karnival ini menyasarkan pelbagai lapisan pencari kerja, termasuk graduan baharu, lepasan SPM, graduan TVET, diploma dan ijazah, selain individu berkemahiran teknikal, mereka yang ingin meningkatkan prospek kerjaya serta pelajar yang mencari peluang latihan industri.

"Menariknya, pelbagai jawatan yang ditawarkan hadir dengan pakej gaji yang kompetitif, bermula daripada RM3,500 sebulan bagi jawatan operasi sehingga RM16,000 sebulan bagi jawatan pengurusan kanan dan profesional.

"Pengunjung juga berpeluang menjalani sesi temu duga secara terus pada hari yang sama tanpa perlu menunggu panggilan susulan, memandangkan wakil majikan akan berada di lokasi bagi menjalankan proses saringan dan temu duga secara bersemuka," jelas PERKESO.

Bagi memastikan pencari kerja membuat persediaan terbaik, PERKESO turut menyediakan perkhidmatan sokongan kerjaya secara percuma termasuk kaunseling kerjaya, pemprofilan kemahiran dan bimbingan pembangunan kerjaya oleh pegawai yang berpengalaman.

Selain peluang pekerjaan, pengunjung juga boleh mengunjungi zon MYFutureJobs Rover yang menawarkan pelbagai aktiviti interaktif, cabaran menarik dan permainan santai. Peserta yang berjaya menyelesaikan aktiviti yang disediakan berpeluang memenangi pelbagai hadiah serta cenderamata eksklusif MYFutureJobs.

"Sama ada graduan baharu, pekerja yang sedang mencari peluang kerjaya baharu, individu yang ingin beralih sektor pekerjaan mahupun pencari kerja aktif, karnival ini menjadi platform terbaik untuk membina masa depan kerjaya yang lebih cerah.

Dalam karnival ini juga, pengunjung boleh mendapatkan maklumat mengenai perlindungan sosial PERKESO termasuk skim LINDUNG 24 Jam yang menawarkan perlindungan 24 jam diluar waktu kerja kepada pencarum Akta 4, LINDUNG Kendiri untuk individu bekerja sendiri, serta LINDUNG Kasih yang memberi perlindungan kepada suri rumah.

Orang ramai digalakkan membuat pendaftaran awal melalui portal MYFutureJobs di [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) atau hadir terus ke lokasi karnival pada hari program berlangsung.

**##TAMAT##**

**Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**19 Jun 2026**